

ABSTRAK

Bintang mempunyai kitaran hidup dengan wujudnya permulaan dan pengakhiran. Kitaran hidup bintang sukar dihitung kerana tempoh hayat bintang menjangkau jutaan tahun. Justeru, kajian ini bertujuan merungkai permasalahan kitar hidup sesuatu bintang. Metod komparatif di antara nas-nas al-Quran dan teori sains digunakan dengan merujuk kitab-kitab tafsir serta buku-buku astronomi. Hasil kajian ini mendapati, di dalam al-Quran terdapat tujuh lafaz yang membawa maksud bintang. Manakala hanya terdapat satu ayat yang menerangkan tentang kelahiran bintang dan satu ayat juga mengenai kematian bintang. Kedua-dua ayat ini merupakan ayat umum yang memerlukan kepada penjelasan yang terperinci. Dapatan pengintegrasian di antara al-Quran dan sains mendapati lafaz yang merujuk kepada pembentukan bintang adalah *dukhān* iaitu nebula yang didominasi gas hidrogen dan helium. Manakala lafaz yang sesuai dikaitkan dengan ayat kematian bintang pula adalah *tumīsat* yang membawa maksud hilang lenyap. Ayat ini boleh dikaitkan dengan bintang kerdil putih bagi bintang berjisim ringan dan lohong hitam bagi bintang berjisim berat, kerana mengikut teori sains sesebuah bintang mengakhiri kehidupannya bergantung kepada jisimnya. Kesimpulannya, tiada perbezaan di antara ayat-ayat *kawniyyah* dengan teori sains bagi asas kelahiran dan kematian sesebuah bintang.

ABSTRACT

Star has its own life-cycle that begins and ends. The life-cycle of a star is not easy to calculate as star's period of life goes beyond millions and billions of years. Hence, this research is aimed to unravel the problem in star's life-cycle. By referring to the translation from al-Quran and astronomy books, the comparative method has been used between al-Quran's extractions and science theory. And from the finding, there are seven terms that depicting the star. And only one sentence explains on both the birth and the death of the star. Both of the sentences are the general sentences that need to be explained thoroughly. The finding from the integration of al-Quran and science clarifies the word that refers to the birth of the star is *dukhān*, a nebula that is dominated by hydrogen and helium. And the best word that suits the star's death is *tumisat*, means gone or vanished. From the standpoint of science theory, star's lifespan depends on its mass. The more massive it is, the shorter it lives. Thus, the two sentences can be related with white dwarf, a low or medium mass star and black hole for the massive star. Precisely, there is no difference between sentences of *kawniyyah* and science theory in the root of star's birth and death.